



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato’/YBrs. Dr./Tuan/Puan

2. Sukacita disertakan laporan pemantauan akhbar dan berita berkaitan dengan Kementerian ini bertarikh 8-10 April 2023 (Sabtu-Isnin) untuk makluman dan perhatian sewajarnya.

Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	<p>Ministry Awaits Police Probe Into Childcare Centre Neglect Allegation, Says Nancy</p> <p>https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/04/09/ministry-awaits-police-probe-into-childcare-centre-neglect-allegation-says-nancy</p> <p>https://www.bernama.com/en/region/news.php?id=2180272</p> <p>https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/04/09/ministry-awaits-police-probe-on-childcare-centre-neglect-allegation-says-nancy/63992</p> <p>https://www.thevibes.com/articles/news/90011/govt-awaiting-findings-from-police-probe-into-nursery-neglect-claims-nancy</p>	<p>The Star</p> <p>Bernamea</p> <p>Malay Mail</p> <p>The Vibes</p>	Neutral

https://www.malaysiakini.com/news/661622	Malaysia Kini
https://www.sinarharian.com.my/article/253720/berita/s-emas/kpwkm-serah-kepada-polis-siasat-kes-kanak-kanak-diabaikan-di-taska	Sinar Harian
https://headtopics.com/my/ministry-awaits-police-probe-on-childcare-centre-neglect-allegation-says-nancy-37739301	Head Topics
https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpwkm-serah-pada-polis-siasat-dakwa-bayi-perempuan-diabaikan-di-taska-414749	Astro Awani
https://www.buletintv3.my/nasional/kpwkm-serah-kepada-polis-siasat-dakwa-bayi-diabaikan/	Buletin TV3
https://malaysiagazette.com/2023/04/08/penderaan-pengusaha-tidak-patuh-akta-taska-1984/	Malaysia Gazette
https://suarasarawak.my/isu-penderaan-di-taska-pengusaha-tidak-patuh-akta-taska/	Suara Sarawak
https://www.edisi9.com.my/2023/04/taska-didakwadera-kanak-kanak-diarah-tutup-sementara/	Edisi 9
https://www.kosmo.com.my/2023/04/08/kertas-siasatan-kanak-kanak-digigit-di-taska-dibuka/?utm_source=rss&utm_medium=rss&utm_campaign=kertas-siasatan-kanak-kanak-digigit-di-taska-dibuka	Kosmo
https://majoriti.com.my/berita/2023/04/08/abai-kanak-kanak-hingga-cedera-polis-siasat-kejadian-libatkan-taska-di-putrajaya	Majoriti
https://malaysiagazette.com/2023/04/08/isu-penderaan-di-taska-polis-sahkan-mangsa-digigit-kanak-kanak-seusia/	Malaysia Gazette
https://selangorkini.my/2023/04/kes-dera-di-taska-polis-sahkan-mangsa-kena-gigit-kanak-kanak-seusia/	Selangor Kini
https://www.bernama.com/v2/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2180096	Bernamea

	https://www.bernama.com/bm/wilayah/news.php?id=2180265 https://www.utusan.com.my/nasional/2023/04/polis-buka-kertas-siasatan-kes-kecederaan-kanak-kanak-ditaska/	<p>Bernama</p> <p>Utusan</p>	
2	<p>Pasangan Berkelakuan Jelik: Nancy Minta Penjelasan KDN</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/04/955043/pasangan-berkelakuan-jelik-nancy-minta-penjelasan-kdn</p> <p>https://www.malaysiakini.com/news/661562</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/nancy-mahu-bertemu-kdn-berhubung-kes-pasangan-dirakam-berkelakuan-jelik/</p> <p>https://www.malay.news/pasangan-berkelakuan-jelik-nancy-minta-penjelasan-kdn/</p> <p>https://www.malaysiakini.com/news/661564</p> <p>https://tvstv.my/2023/04/09/sekat-video-axia-merah-di-luar-bidang-kuasa-kpwkm-nancy/</p> <p>http://origin.bharian.com.my/berita/nasional/2023/04/1087994/mengapa-remaja-bawah-umur-itu-digari</p>	<p>Harian Metro</p> <p>Malaysia Kini</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Malay News</p> <p>Malaysia Kini</p> <p>TVSTV</p> <p>Berita Harian</p>	Neutral
3	<p>Peruntukan RM10 Juta Bangunkan Tribunal Gangguan Seksual – Nancy</p> <p>https://tvstv.my/2023/04/09/peruntukan-rm10-juta-bangunkan-tribunal-gangguan-seksual-nancy/</p>	<p>TVSTV</p>	Neutral
4	<p>Ways To Tackle Ageing</p> <p>https://www.thesundaily.my/opinion/ways-to-tackle-ageing-CJ10801254</p>	<p>The Sun Daily</p>	Neutral
5	<p>Tujuh Mangsa Ribut Sepang Terpaksa Tinggal Di PPS Buat Sementara Waktu</p>		Neutral

	https://harapandaily.com/tujuh-mangsa-ribut-sepang-terpaksa-tinggal-di-pps-buat-sementara-waktu/	Harapan Daily	
6	<p>Kerap Buat Lawatan Mengejut Ke Taska, Suhakam Beritahu JKM</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/04/09/kerap-buat-lawatan-mengejut-ke-taska-suhakam-beritahu-jkm/</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=mxZ1FaGFM68</p>	<p>FMT</p> <p>Astro Awani</p>	Neutral
7	<p>Warga Asing Dakwa Terpaksa Mengemis Demi Rawat Anak Cerebral Palsy [METROTV]</p> <p>https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/04/954855/warga-asing-dakwa-terpaksa-mengemis-demi-rawat-anak-cerebral-palsy-metrotv</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-thailand-dakwa-mengemis-untuk-ubat-penyakit-anak-414713</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=3gr5BkE_m9o</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/253684/edisi/ke-lantan/warga-thailand-dakwa-mengemis-untuk-ubat-penyakit-anak</p>	<p>Harian Metro</p> <p>Astro Awani</p> <p>Harian Metro</p> <p>Sinar Harian</p>	Neutral
8	<p>Polis Tahan Pengasuh Disyaki Dera Dua Kanak-Kanak</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2023/04/polis-tahan-pengasuh-disyaki-dera-dua-kanak-kanak/</p> <p>https://wartaoriental.com/2023/04/08/polis-tahan-pengasuh-disyaki-dera-dua-kanak-kanak/</p>	<p>Utusan</p> <p>Warta Oriental</p>	Neutral
9	<p>Ibu Tergamak Dera Bayi Berusia 10 Bulan Ditahan Polis</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/04/1087563/ibu-tergamak-dera-bayi-berusia-10-bulan-ditahan-polis</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2023/04/ibu-disyaki-dera-bayi-10-bulan-ditahan-polis/</p>	<p>Berita Harian</p> <p>Utusan</p>	Neutral

	<p>https://wartaoriental.com/2023/04/09/ibu-disyaki-dera-bayi-10-bulan-ditahan-polis/</p> <p>https://www.edisi9.com.my/2023/04/polis-tahan-seorang-wanita-disyaki-dera-bayi-10-bulan/</p>	<p>Warta Oriental</p> <p>Edisi 9</p>	
10	<p>Kanak-Kanak Rentung Dalam Kebakaran Tiga Rumah</p> <p>https://www.hmetro.com.my/utama/2023/04/955117/kanak-kanak-rentung-dalam-kebakaran-tiga-rumah</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/253734/berita/s emasa/kanak-kanak-rentung-terperangkap-dalam-rumah</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2023/04/kanak-kanak-tujuh-tahun-rentung-dalam-kebakaran-rumah/</p>	<p>Harian Metro</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Utusan</p>	Neutral
11	<p>Kegiatan ‘Sexting’ Didapati Semakin Meningkat Dalam Kalangan Kanak-Kanak</p> <p>https://www.thevocket.com/kegiatan-sexting-didapati-semakin-meningkat-dalam-kalangan-kanak-kanak/</p>	<p>The Vocket</p>	Neutral
12	<p>Wanita Batal Hasrat Terjun Tingkat 8 Selepas Dipujuk Kakak</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/04/09/wanita-cuba-terjun-dari-tingkat-8-berjaya-dipujuk-kakak/</p>	<p>Kosmo</p>	Neutral
13	<p>Isteri Maut Ditikam Suami Akibat Cemburu</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/253621/berita/s emasa/isteri-maut-ditikam-suami-akibat-cemburu</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/04/09/kerana-cemburu-wanita-maut-ditikam-suami/</p>	<p>Sonar Harian</p> <p>FMT</p>	Neutral
14	<p>Warga Emas Hilang Ditemukan Keletihan, Kelaparan</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2023/04/warga-emas-hilang-ditemukan-keletihan-kelaparan/</p>	<p>Utusan</p>	Neutral

	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/04/40-jam-hilang-warga-emas-ditemukan-selamat/ https://wartaoriental.com/2023/04/10/warga-emas-hilang-40-jam-ditemukan-selamat/ https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/04/954896/sahatan-lemah-dari-ceruk-warga-emas-hilang-tiga-hari-ditemukan-selamat https://www.melaysiakini.com/warga-emas-hilang-40-jam-ditemukan-selamat-85649.html https://headtopics.com/my/warga-emas-hilang-40-jam-ditemukan-selamat-37727617	<p>Utusan</p> <p>Warta Oriental</p> <p>Harian Metro</p> <p>Melaysia Kini</p> <p>Head Topics</p>	
15	<p>Warga Emas Hilang Masih Belum Ditemui</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/253653/berita/s-emas/warga-emas-hilang-masih-belum-ditemui</p>	Sinar Harian	Neutral
16	<p>'Nak Makan Pun Jiran Tolong, Jauh Sekali Beli Baju Raya'</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/04/1088008/nak-makan-pun-jiran-tolong-jauh-sekali-beli-baju-raya</p>	Berita Harian	Neutral

MINISTRY AWAITS POLICE PROBE INTO CHILDCARE CENTRE NEGLECT ALLEGATION, SAYS NANCY

<https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/04/09/ministry-awaits-police-probe-into-childcare-centre-neglect-allegation-says-nancy>

Sumber : The Star



KUCHING: The Women, Family and Community Development Ministry is awaiting for police to complete their investigation into a woman's allegation that her baby girl was hurt due to neglect at a childcare centre (taska) recently.

Its Minister Datuk Seri Nancy Shukri said she had been informed that a suspect was detained to assist investigations, adding she would await further action from the police.

"It (centre) is registered. That's why we could take swift action (against the childcare centre)," she said at a press conference after attending the ministry's "Kasih Ramadan" programme here today (April 9).

She was commenting on the woman's claim, which went viral on social media, alleging that the centre had neglected her 13-month-old child by leaving the girl unsupervised in an isolated room, and who had bite marks caused by other children.

The ministry issued a notice of warning yesterday and ordered the centre to be temporarily closed.

Nancy said her ministry takes responsibility to ensure that registered childcare centre operators comply with the conditions as stipulated under the Child Care Centre Act 1984 (Act 308) to deal with any cases that occur at the premises.

"In fact, we have already established guidelines for the staff and we are reinforcing the conditions to be followed by them (childcare centre operators). From time to time, we will see what else needs to be improved in the situation at the centre," she said. – Bernama

PASANGAN BERKELAKUAN JELIK: NANCY MINTA PENJELASAN KDN

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/04/955043/pasangan-berkelakuan-jelik-nancy-minta-penjelasan-kdn>

Sumber : Harian metro



Kuching: Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri akan mengadakan pertemuan dengan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail bagi mendapatkan maklumat terperinci berhubung isu 'Axia merah'.

Nancy berkata, beliau hanya mengetahui isu itu menerusi laporan media serta komen yang tersebar di media sosial.

Menurutnya, turut akan dibincangkan ialah kewajaran remaja perempuan bawah umur itu digari ketika dibawa ke mahkamah untuk mendapatkan perintah tahanan reman.

"Jika melihat kepada media sosial, saya boleh memberi komen dari sudut Seksyen 15 Akta Kanak-Kanak iaitu kanak-kanak perlu dilindungi, tidak boleh ditunjuk muka atau sebut nama bagi menjamin masa depan mereka mereka tidak terjejas.

"Tetapi apa yang berlaku kita lihat ada beberapa pelanggaran termasuk kewajaran remaja bawah umur itu digari dan sebab itulah saya akan berbincang dengan polis serta Menteri Dalam Negeri bagi mendapatkan butiran lanjut kes itu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Program Kasih Ramadan KPWK di sini, hari ini.

Nancy berkata, pertemuan itu penting bagi membolehkannya mendapatkan gambaran sebenar kes yang tular di media sosial itu.

"Diharapkan apa yang berlaku itu tidak seperti dan tidak mahu orang ramai keliru dengan pelbagai komen di media sosial," katanya.

Jumaat lalu, pasangan kekasih yang tular di media sosial kerana disyaki melakukan perbuatan jelik dalam kenderaan direman dua hari mengikut Seksyen 377D Kanun Keseksaan.

Sementara itu, mengenai isu taska di Putrajaya, Nancy berkata, pihaknya sedang meneliti untuk menambah baik garis panduan serta peraturan operasi taska.

"Kita akan memperbaiki peraturan dari semasa ke semasa bagi menyediakan panduan untuk petugas berdasarkan syarat-syarat yang dikemaskini.

"Buat masa ini, pihak kami masih menunggu tindakan lanjut polis terhadap kes berkenaan termasuk hasil penelitian kamera litar tertutup (CCTV) berkaitan kes berkenaan," katanya.

Jumaat lalu, tular hantaran artikel bergambar yang dimuat naik menerusi akaun Facebook "EL Ameerah" berkaitan kecederaan yang dialami kanak-kanak perempuan berusia satu tahun semasa berada di sebuah taska.

Media turut melaporkan ibu kanak-kanak itu akan mengambil tindakan undang-undang terhadap taska berkenaan yang didakwa mengabaikan anaknya yang ditinggalkan bersama beberapa orang kanak-kanak lain di sebuah bilik tanpa pengawasan.

PERUNTUKAN RM10 JUTA BANGUNKAN TRIBUNAL GANGGUAN SEKSUAL – NANCY

<https://tvstv.my/2023/04/09/peruntukan-rm10-juta-bangunkan-tribunal-gangguan-seksual-nancy/>

Sumber : TVSTV



KUCHING, 9 April: Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM10 juta untuk membangunkan tribunal berkaitan Akta Antigangguan Seksual 2021, kata Datuk Seri Nancy Shukri.

Beliau yang juga Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) berkata, peruntukan itu akan digunakan untuk merekrut kakitangan baharu, melantik ahli tribunal serta mewujudkan pusat tribunal.

“Ini infrastruktur paling penting yang diperlukan sebelum kita melaksanakannya.

“Kesemua mesti siap sebelum 31 Disember, itulah keutamaan kementerian,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada TVS selepas hadir Program Agihan Bubur Lambuk Darul Hana Blok 2A di sini hari ini.

Dalam perkembangan berkaitan, Nancy memaklumkan, KPWKM akan melancarkan jerayawara berkenaan pelaksanaan Akta Antigangguan Seksual di setiap negeri.

Kata beliau, penting untuk penerangan berhubung perkara itu disampaikan kepada masyarakat memandangkan ia bersifat subjektif.

“Kita meminta Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi melancarkan jerayawara tersebut.

“Bukan mudah untuk melaksanakan (jelajah ini) namun kita akan mulakan segera, mungkin selepas raya,” katanya.

Sebelum ini Rang Undang-Undang (RUU) Antigangguan Seksual diluluskan di Dewan Rakyat pada 20 Julai 2022 selepas mula digubal pada 2011.

Menerusinya, ia mengiktiraf gangguan seksual sebagai pencabulan maruah manusia, satu bentuk diskriminasi dan keganasan berasaskan jantina.

Ia turut mengadakan peruntukan bagi hak tebus rugi bagi mana-mana individu yang diganggu secara seksual melalui penubuhan tribunal bagi antigangguan seksual. -TVS

WAYS TO TACKLE AGEING

<https://www.thesundaily.my/opinion/ways-to-tackle-ageing-CJ10801254>

Sumber : The Sun Daily



CAN 2023 become a turning point for the promotion of the welfare of senior citizens in Malaysia?

I am not just referring to the latest announcements from Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri who, in this month alone, delved into the issue not once but twice.

Undoubtedly, here we can see the overall commitment of the federal government to increase the financial allocations for senior citizens as announced in the Budget 2023 speech in February. Yet much more could be done but in a different way.

The country could undertake a real breakthrough in its approach towards the elderly if it fully shifts from a welfare approach to one more focused on the well-being and active citizenship.

While, at least on paper, these two latter dimensions are already acknowledged for their relevance, there is a need to think a more out of the box on how to truly promote an active and dynamic dimension of ageing.

But first, let's review the minister's declarations.

First, the minister - during a debate on the Supply Bill 2023 in the Dewan Rakyat held on the 9th of March – shared the plans to establish more senior citizens centres throughout the nation.

Then on Thursday, in another address in the Dewan Rakyat, Nancy declared that the National Action Plan for Senior Citizens (NAPSRc), the implementation pillar of the National Policy on Older Persons, would be revised in order to strengthen its broader effectiveness.

Moreover, she said there won't only be a new NAPSrC guiding the nation up to the year 2030, but the federal government is also drafting a wholly new legislation, the Senior Citizens Bill.

The overall hope is that these new initiatives and, more importantly, how they will be designed and implemented will be able to lead the country to better tackle the increasingly thorny issue of ageing.

After all, by 2030 demographic trends show that Malaysia will be an "aged" nation very soon and data could not offer a clearer picture.

According to a 2017 presentation by Mohd Fazari Mohd Salleh with the Social Welfare Department – which is part of the ministry – by end of the decade, almost 17% of the population will be officially considered senior citizens.

In practice, this means that there will be one ageing Malaysian out of seven, a drastic increase in relation to the previous years.

In many ways, Malaysia is already facing an increasing number of challenges in this regard, especially in relation to the higher demands on the health care system coming from elderly citizens.

If the country were to definitely need more welfare infrastructures to meet the increasing needs of its elders, why not also truly make "real" and effective the components of the National Policy on Older Persons focused on active ageing?

Why not enable and encourage seniors who are still good enough to give their time, wisdom and skills to the broader society?

So far, the focus has been on how younger volunteers can help cope with what should be considered an ageing emergency.

Why not turn the equation around when we talk about the contributions of thousands of younger volunteers to support the elderly?

Why can't the latter themselves "contribute" rather than being passively induced to attend top-down designed activities aimed at their well-being?

Certainly, this is an area of action where some senior citizens can definitely provide a helpful hand.

Yet it is not enough because any new action plan targeting seniors must be centred on their own potential to help society as a whole.

Malaysia needs a comprehensive strategy to engage and involve senior citizens, and any new plan must be more ambitious and far-sighted when focusing on active ageing.

With the country still lacking a holistic approach to promote volunteerism as an engine for civic renewal and developmental changes, planning a national volunteering scheme for and by elder citizens could provide an impetus for a much broader rethinking of what volunteerism can do for Malaysia.

Nancy in her official speech on March 9 said the current “governance” in the matter of ageing, led by the National Senior Citizens Advisory and Consultative Council, is fit for the purpose and does not need change.

It might be the case but there is no doubt that what the ageing challenge in Malaysia needs are leadership and long-term vision.

These are the two key elements that could turn a challenge into an opportunity.

Seniors can truly be part of the solution to the ageing conundrum faced by the country and help the whole society.

TUJUH MANGSA RIBUT SEPANG TERPAKSA TINGGAL DI PPS BUAT SEMENTARA WAKTU

<https://harapandaily.com/tujuh-mangsa-ribut-sepang-terpaksa-tinggal-di-pps-buat-sementara-waktu/>

Sumber : Harapan Daily



Setakat ini seramai tujuh mangsa kejadian ribut di Sepang semalam ditempatkan di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di Balai Raya MPKK Kampung Pulau Meranti.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat Aiman Athirah Sabu telah turun padang hari ini bagi meninjau keadaan mangsa yang ditempatkan di PPS tersebut.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Sepang mengambil kesempatan berbual dan memberikan kata semangat kepada mangsa-mangsa kejadian selain meninjau kelengkapan di PPS tersebut.

Turut hadir Ketua Setiuasaha kementerian Datuk Dr Maziah Che Yusoff.



Athirah dan petugas memberikan kata semangat kepada salah seorang mangsa ribut yang ditempatkan di PPS Balai Raya MPKK Kampung Pulau Meranti pada 9 April 2023. Foto KPWKM



Beberapa buah unit kediaman di Pangsapuri Angsana Bandar Bukit Puchong 2, Jalan Pulau Meranti, Sepang mengalami kerosakan bumbung akibat diterbangkan ribut pada 8 April 2023. Foto FB Aiman Athirah

Terdahulu petang semalam Aiman Athirah telah melawat lokasi bencana ribut di pangsapuri Angsana, Bandar Bukit Puchong yang merupakan antara tempat yang paling terkesan dalam kejadian itu.

Ia melibatkan kerosakan bumbung rumah beberapa penghuni pangsapuri tersebut.

“Jawatankuasa Bencana Daerah telahpun mengambil maklum, pelbagai agensi bantuan digerakkan melaksanakan pelbagai tugas masing-masing,” kata beliau.

KERAP BUAT LAWATAN MENGEJUT KE TASKA, SUHAKAM BERITAHU JKM

<https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/04/09/kerap-buat-lawatan-mengejut-ke-taska-suhakam-beritahu-jkm/>

Sumber : Free Malaysia Today



PETALING JAYA: Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) perlu kerap melakukan lawatan mengejut untuk mengenal pasti sama ada taska berdaftar benar-benar mematuhi garis panduan dan kriteria ditetapkan.

Pesuruhjaya Suhakam, Noor Aziah Mohd Awal, berkata tidak sepatutnya pemantauan hanya dibuat ketika pendaftaran sahaja susulan dibimbangi pengendali taska pasti akan “memenuhi kriteria” bagi penyambungan lesen.

“Kalau lebih had bilangan anak-anak asuhan, siapa nak tahu. Kalau perkara itu bukan hanya perlu dilihat melalui pemantauan berkala, namun mesti ada lawatan mengejut, baru tahu kita tahu ia memenuhi kriteria ditetapkan.

“Jangan pergi (memantau) semasa nak daftar sahaja, dan kemudian nak memperbaharui lesen barulah pergi melawat sekali.

“Sudah tentulah kalau melawat dimaklumkan, mereka akan memenuhi kriteria sebab nak sambung lesen itu. Jadi, saya rasa perkara seperti melakukan lawatan mengejut itu perlu dilakukan dari semasa ke semasa,” katanya menurut Astro Awani.

Semalam, sebuah taska diarahkan tutup sementara selepas tular dakwaan seorang ibu mengatakan anaknya berusia setahun dianiaya.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam kenyataan, berkata hasil siasatan pada 29 Mac lalu mendapati pusat yang berdaftar dengan JKM itu tidak mematuhi peraturan bawah Akta Taska 1984.

Beberapa hari lalu, seorang wanita menggunakan akaun Facebook “El Ameerah” berkata, dia dimaklumkan guru bahawa anaknya digigit seorang kanak-kanak sehingga cedera di telinga, pipi, dan tangan.

Lebih mengejutkan, katanya, dia diberitahu anaknya bersama kanak-kanak lain berusia satu hingga dua tahun ditempatkan dalam bilik “isolasi” ketika bayi lebih kecil sedang tidur.

Sementara itu, Aziah turut melihat keperluan menambah taska di tempat kerja bagi memudahkan ibu bapa bekerja serta menjamin keselamatan kanak-kanak.

Pada masa sama, kerajaan disaran memberi perhatian penuh terhadap usaha itu termasuk menyediakan peruntukan tertentu bagi menyediakan fasiliti berkenaan untuk golongan pekerja.

“Saya rasa taman asuhan kanak-kanak di tempat kerja perlu ditambah lagi peruntukan. Tempat asuhan ini tak banyak, sedangkan seorang ibu memerlukannya, dan kerajaan perlu beri perhatian penuh mengenai isu ini, sebab keselamatan kanak-kanak itu penting agar dan ibu bapa dapat bekerja dengan tenang,” katanya.

WARGA ASING DAKWA TERPAKSA MENGEMIS DEMI RAWAT ANAK CEREBRAL PALSY [METROTV]

<https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/04/954855/warga-asing-dakwa-terpaksa-mengemis-demi-rawat-anak-cerebral-palsy-metrotv>

Sumber : Harian Metro

Pada ketika itu, ibu mereka tiada dan setibanya di pasar, wanita berkenaan berlari ke arah anak sulungnya yang duduk di kerusi roda dan ditolak pasukan penguat kuasa.

Selepas dipujuk dan diberi penerangan, wanita itu akur dan tiga beranak terbabit dibawa ke Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebelum diserahkan kepada Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).

Menurut wanita berusia 46 tahun itu, dia datang ke negeri ini sejak seminggu lalu untuk mencari pendapatan tambahan selepas tempat kerjanya di Pattani, Thailand ditutup sementara waktu dan menyewa rumah di Kota Bharu.

"Saya terpaksa membawa dua anak yang berusia 18 dan 22 tahun bersama kerana tidak ada sesiapa yang hendak menjaga mereka selepas suami meninggal dunia sejak sembilan tahun lalu," katanya.

Operasi itu membabitkan pegawai dan anggota JKM, Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam (MPKB-BRI), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEIK) bermula jam 9 pagi hingga 1 tengah hari.

Seramai 15 pengemis termasuk tujuh warga Thailand dan tiga kanak-kanak diselamatkan.

Wanita itu mendakwa dia tidak tahu mengenai penguatkuasaan undang-undang dan ketegasan penguat kuasa di negeri ini.

"Ini adalah kali pertama saya mengemis dan tidak menyangka ini pula yang terjadi.

"Saya pilih jalan mudah untuk dapatkan wang, sebab saya tidak tahu cara nak tambahkan pendapatan.

"Apa pun kali ini saya memang serik mengemis. Saya berjanji tidak akan mengemis lagi dan mencari rezeki di negeri sendiri," katanya.

POLIS TAHAN PENGASUH DISYAKI DERA DUA KANAK-KANAK

<https://wartaoriental.com/2023/04/08/polis-tahan-pengasuh-disyaki-dera-dua-kanak-kanak/>

Sumber : Warta Oriental



PETALING JAYA: Polis menahan seorang wanita yang disyaki mendera dua kanak-kanak asuhannya berusia tujuh dan empat tahun di kediamannya di Seri Kembangan, Serdang dekat sini, semalam.

Pihak berkuasa menerima laporan daripada seorang lelaki tempatan mewakili sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Selasa lalu selepas pengadu menerima aduan berhubung penderaan itu daripada orang awam.

Ketua Polis Daerah Serdang, Asisten Komisioner AA Anbalagan berkata, suspek seorang wanita tempatan berusia 24 tahun adalah kenalan kepada ibu mangsa yang bekerja di Singapura.

Katanya, pengadu cuba mengesan ibu mangsa iaitu seorang perempuan tempatan dan selepas dihubungi, wanita itu meminta bantuan seorang rakannya bersama-sama pengadu untuk mengambil anaknya dari rumah pengasuh.

“Didapati terdapat kesan lebam dan dirotan di seluruh badan kedua-dua mangsa dan dibawa ke Hospital Klang bagi mendapatkan rawatan. Kejadian itu turut tular selepas satu klip video berbahasa Tamil berdurasi dua minit 58 saat memaparkan kecederaan dialami mangsa dimuat naik seorang pengguna TikTok,” katanya dalam kenyataan.

Menurutnya, siasatan awal mendapati kanak-kanak itu dihantar oleh ibu mereka ke rumah suspek sekitar bulan Mac sebelum ke Singapura untuk bekerja.

Kes disiasat di bawah Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-kanak 2001 dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sudah dimaklumkan berhubung kejadian itu. Kedua-dua mangsa dibenarkan keluar dari hospital semalam,” katanya. – [UTUSAN](#)

IBU TERGAMAK DERA BAYI BERUSIA 10 BULAN DITAHAN POLIS

<https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/04/1087563/ibu-tergamak-dera-bayi-berusia-10-bulan-ditahan-polis>

Sumber : Berita Harian



KUALA LUMPUR: Polis menahan seorang wanita berumur 26 tahun di kediamannya dekat Petaling Jaya kerana disyaki mendera bayi sendiri yang berusia 10 bulan sehingga menyebabkan kecederaan fizikal pada Khamis lepas.

Ketua Polis Daerah Petaling Jaya, Asisten Komisioner Mohamad Fakhruddin Abdul Hamid, berkata kesan lebam itu dapat dilihat di seluruh badan bayi itu, dipercayai akibat penderaan.

Beliau berkata, polis menerima maklumat berhubung kejadian itu selepas menerima laporan daripada petugas Hospital Shah Alam, tempat bayi itu dirawat.

Katanya wanita itu kini direman selama empat hari bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001.

– BERNAMA

KANAK-KANAK RENTUNG DALAM KEBAKARAN TIGA RUMAH

<https://www.hmetro.com.my/utama/2023/04/955117/kanak-kanak-rentung-dalam-kebakaran-tiga-rumah>

Sumber : Harian Metro



Georgetown: Kanak-kanak perempuan berusia tujuh tahun maut dalam kebakaran membabitkan tiga rumah di Jalan Paya Terubong, Kampung Pisang, Air Itam di sini, malam tadi.

Mangsa, G Sri Laavanya ditemukan rentung, manakala wanita berusia 50 tahun yang juga nenek mangsa cedera di tangan.

Timbalan Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Negeri Pulau Pinang, TS Zulfahmi Sutaji berkata, pihaknya menerima panggilan berhubung kejadian pada 11.19 malam.

Katanya, seramai 18 anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Paya Terubong dan Jalan Perak bergegas ke lokasi sebaik menerima maklumat dengan dibantu 50 anggota Pasukan Bomba Sukarela (PBS) dari Bukit Bendera, Bagan Ajam, Jalan Perak, Padang Lalang serta Air Itam.

"Ketika tiba di tempat kejadian, api marak membakar tiga rumah kampung yang berkedudukan rapat antara satu sama lain.

"Berdasarkan maklumat awal, dipercayai kanak-kanak berusia tujuh tahun terperangkap dalam rumah berkenaan dan api berjaya dikawal pada 12.45 tengah malam.

"Pasukan bomba menghadapi kesukaran berikutan tiada laluan masuk bagi jentera ke lokasi selain perlu menggunakan hos sejauh 150 meter dari jalan utama ke kawasan kejadian," katanya ketika ditemui di lokasi, awal pagi tadi.

Mengulas lanjut Zulfahmi berkata, pasukan penyelamat kemudian menemukan mayat kanak-kanak itu dalam keadaan mengiring dan rentung sepenuhnya kira-kira lapan meter dari pintu utama rumah berkenaan.

Katanya, kanak-kanak malang terbabit dipercayai terperangkap di bilik tidur berdasarkan terdapat katil berhampiran mangsa.

"Kanak-kanak itu dipercayai panik dan dalam keadaan asap tebal, mangsa mungkin cuba lari sama ada ke bilik air atau ke jalan keluar berhampiran, namun siasatan lanjut akan menentukan puncanya," katanya lagi.

Menurut Zulfahmi, mangsa yang cedera dibawa ke Hospital Pulau Pinang (HPP) untuk rawatan, manakala mayat kanak-kanak itu diserahkan kepada polis sebelum dihantar ke hospital yang sama untuk dibedah siasat.

"Punca serta nilai kerugian masih dalam siasatan dan operasi tamat pada jam 1.23 pagi," katanya.

Sementara itu, suasana hiba menyelubungi lokasi kejadian berikutan datuk dan nenek serta ahli keluarga mangsa meratapi pemergian kanak-kanak itu.

Kepantasan pasukan penyelamat mengawal kebakaran juga mengelak api daripada merebak ke rumah berhampiran.

KEGIATAN 'SEXTING' DIDAPATI SEMAKIN MENINGKAT DALAM KALANGAN KANAK-KANAK


<https://www.thevocket.com/kegiatan-sexting-didapati-semakin-meningkat-dalam-kalangan-kanak-kanak/>

Sumber : The Vocket



Kegiatan *sexting* yang dahulunya hanya dilakukan oleh golongan dewasa kini didapati menular di kalangan [kanak-kanak kecil](#). Tidak hanya dengan bermesej berbaur lucu, malah lambakan laman sembang lucu tanpa kawalan ini juga menyebabkan kanak-kanak mudah mengaksesnya.

Menerusi laporan [Harian Metro](#), tinjauan terbaharu mendapati sejumlah laman sembang lucu sangat aktif digunakan oleh kanak-kanak di bawah umur. Malah, sebahagian besar pelanggan di platform tersebut membabitkan kanak-kanak perempuan di bangku sekolah.



Sumber Gambar: Today

Dalam pada itu, seorang wartawan Buletin TV9 turut mendedahkan si pemangsa bakal menggunakan ayat-ayat manis untuk meminta gambar wajah dan anggota badan daripada sasaran mereka. Mangsa yang naif pula mempercayai dengan ayat manis yang ditaburkan itu.

Pegawai Perkhidmatan ‘All Women’s Action Society’ (Awam) Asrawati Awanina Aslan berkata, pihaknya menemui banyak aplikasi janji temu seperti itu.

Antara laman sembang popular yang rancak dilayari oleh kanak-kanak tanpa sebarang sekatan termasuklah Litmatch, Omi, Michat, Mewe dan Bee Talk. Tidak hanya aplikasi sembang, Leomatchbot iaitu satu saluran di aplikasi Telegram juga diikuti ramai remaja.

Walaupun aplikasi seperti ini meletakkan syarat hanya berusia 18 tahun ke atas untuk menyertainya, tetapi ia boleh dimanipulasi menerusi tarikh lahir pengguna dengan maklumat palsu.

“Bila ada aplikasi janji temu, pelaku atau individu yang menggunakan kesempatan teknologi ini akan memperkenalkan diri kepada kanak-kanak atau remaja sebelum mengajak mereka terbabit dalam aktiviti *sexting*.”

Berdasarkan statistik kes gangguan seksual dalam talian yang dikeluarkan Awam pada 2021, trend kes yang dilaporkan adalah minimum iaitu tiga kes setiap bulan. Angka tertinggi direkodkan pada Februari tahun sama iaitu 14 kes.

Kanak-kanak berusia seawal tujuh tahun kini sudah pun boleh menggunakan telefon pintar tanpa pengawasan ibu bapa. Angka ini dilihat bakal meningkat jika tiada kawalan pambanterasan terhadap platform yang menawarkan hiburan lucah seperti laman sembang.

Iklan di media sosial berkaitan laman mencari rakan baharu juga kian menonjol serta tiada sekatan kerana pemiliknya sudah membayar yuran iklan terbabit. Lalu, kanak-kanak pula dengan semudah klik sahaja pada iklan sudah boleh mengakses platform tersebut.

Sebagai panduan, ibu bapa atau penjaga pula boleh mengesan kegiatan *sexting* ini dilakukan oleh anak-anak mereka apabila menunjukkan simptom atau tingkah laku mencurigakan seperti cuba menyorok sewaktu hendak bercakap menerusi telefon.

Jadi, berikanlah bimbingan agama dan juga tunjuk ajar teladan yang baik dalam membentuk keperibidian anak-anak anda. Pastikan telefon pintar anak-anak anda dikawal dengan teliti agar dapat mengelakkan sebarang aplikasi atau laman sembang lucah daripada diakses.

WANITA BATAL HASRAT TERJUN TINGKAT 8 SELEPAS DIPUJUK KAKAK

<https://www.kosmo.com.my/2023/04/09/wanita-cuba-terjun-dari-tingkat-8-berjaya-dipujuk-kakak/>

Sumber : Kosmo



KAJANG – Seorang wanita membatalkan hasrat terjun bangunan dari tingkat lapan setelah dipujuk kakaknya dalam kejadian di sebuah pangsapuri di Sungai Tangkas di sini tengah hari tadi.

Komander Operasi, Pegawai Bomba Kanan II, Shamsul Kamarudin berkata, seramai tujuh anggota dan pegawai bersama jentera dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Bangi dikejarkan ke lokasi kejadian selepas menerima panggilan pada pukul 1.45 tengah hari.

“Setibanya di lokasi, kami mendapati wanita terbabit bertindak mengunci bilik sebelum berada di luar tingkap bilik tidurnya.

“Mangsa yang berusia 27 tahun itu bagaimanapun berjaya dipujuk kakaknya,” katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Menurut Shamsul, mangsa kemudian diserahkan kepada polis untuk tindakan selanjutnya. – KOSMO! ONLINE

ISTERI MAUT DITIKAM SUAMI AKIBAT CEMBURU

<https://www.sinarharian.com.my/article/253621/berita/semasa/isteri-maut-ditikam-suami-akibat-cemburu>

Sumber : Sinar Harian



KOTA KINABALU - [DIKEMAS KINI] Seorang wanita maut ditikam suaminya dipercayai akibat cemburu dalam kejadian di sebuah gerai sayur di Jalan Pahlawan, Kepyayan di sini pada Sabtu.

Dalam kejadian jam 1.30 tengah hari itu, mangsa warga Indonesia berusia 38 tahun yang bekerja sebagai pembantu kedai makanan cedera parah dan dikejarkan ke Hospital Queen Elizabeth I (HQE I) sebelum disahkan meninggal dunia.

ketika kejadian mangsa dikatakan membantu kakaknya berniaga sayur di kawasan berkenaan sebelum didatangi suspek.

Katanya, suspek yang juga warga Indonesia berusia 42 tahun itu kemudian bertindak menikam mangsa beberapa kali di bahagian belakang mangsa sebelum bertindak melarikan diri.

"Mangsa yang parah kemudian dibawa ke hospital dengan menggunakan ambulans untuk tindakan lanjut, namun disahkan meninggal dunia pada jam 2.21 petang," katanya ketika dihubungi pada Ahad.

Beliau berkata, berdasarkan maklumat, sepasukan polis dari Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kota Kinabalu berjaya memberkas suspek di Jalan Kepyayan pada jam 8.30 malam hari yang sama.

"Polis berjaya menyelesaikan kes ini tidak sampai 24 jam dan motif kejadian dipercayai akibat cemburu.

"Polis turut merampas pisau di lokasi kejadian yang dipercayai digunakan oleh suspek dalam kejadian itu," katanya.

Tambah Kalsom lagi, suspek yang juga warga asing direman untuk siasatan lanjut.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksan kerana membunuh," katanya.

WARGA EMAS HILANG DITEMUKAN KELETIHAN, KELAPARAN

<https://www.utusan.com.my/nasional/2023/04/warga-emas-hilang-ditemukan-keletihan-kelaparan/>

Sumber : Utusan



SIK: Misteri kehilangan seorang warga emas sejak 40 jam lalu akhirnya terjawab apabila dia ditemukan dalam keadaan selamat walaupun kelihatan sangat letih dan kelaparan. Pengerusi Pasukan Briged Sukarela Yayasan Jariah Malaysia (BSYJM), Mahadzir Abdul Hamid berkata, Saadiah Senawi, 87, ditemukan di tepi sebatang anak sungai pada pukul 3.35 pagi ini. “Pasukan BSYJM dengan bantuan bomba, polis, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia,...

WARGA EMAS HILANG MASIH BELUM DITEMUI

<https://www.sinarharian.com.my/article/253653/berita/semasa/warga-emas-hilang-masih-belum-ditemui>

Sumber : Sinar Harian



KUALA LUMPUR - Warga emas, Ali Mohd Nor, 84, yang dilaporkan hilang sejak 21 Mac lalu masih gagal ditemui sehingga kini walaupun pelbagai usaha telah dilakukan bagi menjejaki bapa kepada empat anak itu.

Anaknya, Abdul Raof Ali, 56, berkata, pihak polis telah memintanya menjalani ujian DNA susulan penemuan mayat reput di laut daerah Alor Gajah, Melaka.

Menurutnya, pada masa sama, beberapa pihak telah menghubunginya memaklumkan ternampak kelibat bapanya di kawasan Asahan, Melaka menghala ke Muar, Johor.

"Pencarian masih diteruskan kerana ada maklumat yang mengatakan nampak kelibat ayah di kawasan tersebut jadi kami gerakkan usaha pencarian di sana," katanya ketika dihubungi Sinar Harian pada Ahad.

Sinar Harian pada 2 April lalu melaporkan, Ali yang tinggal bersama salah seorang anaknya keluar dari rumah di Cheras ketika anaknya keluar bekerja.

Kehilangan Ali ditularkan Abdul Raof di laman sosial selepas usaha menjejaki warga emas tersebut gagal.

Abdul Raof menerima maklumat bapanya ke rumah kenalan di Bidor yang kemudian dibantu menaiki bas untuk ke Johor Bahru.

Bagaimanapun, selepas berita itu ditularkan, terdapat pihak memaklumkan bapanya berada di jeti mahu ke Pulau Besar, Melaka.

Laporan polis telah dibuat susulan risau akan keselamatan bapanya yang meninggalkan barangan termasuk selipar dan dompet di jeti berkenaan.

Abdul Raof memaklumkan, keputusan ujian DNA dijangka diperoleh dalam tempoh dua ke bulan akan datang.

"Mengikut keterangan doktor, semua ciri pada mayat yang ditemui itu ada pada ayah termasuk ketinggian dan anggaran umur selain tidak ada sebarang penyakit dalaman.

"Cuma dalam poket si mati ada nombor kelasi. Itu sahaja yang menjadi kemusykilan," katanya.

Ujarnya, kehilangan bapanya tidak berunsur jenayah memandangkan tiada kehilangan pada barang yang ditinggalkan di jeti lokasi terakhir warga emas itu ditemui.

'NAK MAKAN PUN JIRAN TOLONG, JAUH SEKALI BELI BAJU RAYA'

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/04/1088008/nak-makan-pun-jiran-tolong-jauh-sekali-beli-baju-raya>

Sumber : Berita Harian



LANGKAWI: Ketika kebanyakan umat Islam mulai sibuk membuat persiapan menyambut Aidilfitri, ada golongan kurang berkemampuan hanya memikir soal kelangsungan hidup hari ke hari.

Bergelar Orang Kurang Upaya (OKU) kerana kudung jari, Fadzli Sabri, 10, tidak dapat menggambarkan suasana Aidilfitri kali ini yang akan disambut buat pertama kali tanpa ibunya, Linda Shaari, yang meninggal dunia Oktober tahun lalu.

Murid Tahun Lima Sekolah Kebangsaan Pulau Tuba itu kini tinggal bersama bapanya, Sabri Hamid, 40, yang juga sukar bergerak selepas kakinya dipotong akibat kencing manis.

Bagi Fadzli, apa yang dihulurkan masyarakat memadai baginya untuk meneruskan kehidupan.

"Kalau tak dapat sumbangan hari ini, saya pakai T-shirt lama sahaja untuk beraya.

"Terima kasih kepada yang beri sumbangan ini, dapatkan saya pakai baju Melayu baharu sambut Aidilfitri nanti.

"Kami di rumah nak makan pun jiran yang tolong. Masa dijemput ke sini, saya tak terfikir nak dapat baju baharu," katanya.

Beliau adalah antara 130 anak yatim yang menerima bantuan Aidilfitri sumbangan bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kuah, Nor Saidi Nanyan, di gedung Jakel di sini, hari ini.

Hadir sama, Pengurus Jakel Langkawi, Shahril Zaman Nasir.

Nik Norsuhaila Hamid, 11, dari Kampung Nyiur Chabang turut gembira dan bersyukur kerana berpeluang mendapat baju baharu menjelang Aidilfitri.

Anak sulung daripada tiga beradik itu berkata, ibunya, Kamilah Ibrahim, 40, tidak mampu menyediakan kelengkapan hari raya buat mereka kerana kemiskinan.

"Bapa kami sudah lama menghilangkan diri, emak pula tidak bekerja sebab tiada pengangkutan.

"Nak makan hari-hari pun sudah, jauh sekali nak beli baju baharu," katanya.

Sementara itu, Nor Saidi terharu kerana program amal meraikan anak yatim itu mendapat sokongan pelbagai pihak, selain turut menerima sumbangan daripada individu bukan Islam.

"Program menyantuni anak yatim menjelang Aidilfitri dilakukan setiap tahun ketika saya menjadi ADUN Kuah dulu dan ia diteruskan tahun ini walaupun saya tidak lagi menjadi wakil rakyat.

"Anak yatim dari seluruh Langkawi dibawa ke pusat beli-belah supaya mereka dapat memilih sendiri baju dengan kadar RM100 seorang, manakala Jakel memberi sumbangan duit raya," katanya.